LAMPIRAN A

SYARAT – SYARAT KHAS

Syarat-syarat ini adalah menjadi sebahagian daripada syarat-syarat tawaran:

1. Spesifikasi Teknikal Video Korporat

1.1 Jenis Produksi:
- i. Video Korporat (Konsep/*storyline/script*)

1.2 Versi
- i. Bahasa Melayu
- ii. Bahasa Inggeris

1.3 Jangka Masa
- i. 7 – 8 minit (tidak termasuk kiraan mula / *countdown*)

1.4 Audio / Visual
- i. Dinamik & sesuai dengan tema video
- ii. Rakaman suara dua (2) bahasa termasuk suara latar
- iii. Muzik latar belakang termasuk *sound effect*
- iv. Grafik termasuk 3D animasi, *motion graphic, chart & diagram*

1.5 Kemasan
- i. Penyuntingan awal & akhir
- ii. Teknologi digital

1.6 Bahan Penyerahan Akhir
- i. *1 DV Tape & DVD (Release Master)*
- ii. Format: *Full HD 1080p*
- iii. 100 Salinan CD (beserta *designed cover*)

2. Spesifikasi Am Video Korporat

2.1 Menyediakan skrip bagi kedua-dua bahasa iaitu Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris.

2.2 Menonjolkan imej korporat Jabatan dalam bentuk yang interaktif dan terkini.

2.3 Menyediakan '*storyboard*' bagi setiap video korporat yang ingin dipersembahkan.

2.4 Mempunyai pengisahan yang berlandaskan kepada maklumat yang diberikan oleh Jabatan Agama Islam Selangor. Antaranya:

- i. Latar belakang JAIS
- ii. Visi, misi dan objektif JAIS
- iii. Fungsi utama

2.5 Melakukan penggambaran di sekitar Jabatan Agama Islam Selangor, Pejabat Agama Islam Daerah, Institut Latihan Dan Dakwah Selangor (ILDAS), Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (MSSAAS) dan beberapa lokasi yang berkaitan.

2.6 Mempunyai visual rakaman dan animasi grafik yang bersesuaian dan berkaitan.

2.7 Hasil seni dan penggambaran hendaklah asli dan tidak diambil daripada mana-mana idea dan produksi masa kini dan lampau.

2.8 Menyediakan perancangan dari tahap penyediaan skrip sehingga kepada siap terhasilnya video korporat jabatan melalui **Carta *Gantt Chart* atau Jadual Perancangan Gerak Kerja**.

3. Penyediaan Sampel Dan Demo

3.1 Mengemukakan sekurang-kurangnya **dua (2) demo** projek-projek video korporat yang pernah dihasilkan dalam bentuk CD.

3.2 Menyediakan sekurang-kurangnya **dua (2) cadangan konsep video** dalam bentuk kertas cadangan atau format persembahan yang bersesuaian.

4. Penyediaan / Penghantaran

4.1 Penyuntingan yang dibuat sepanjang tempoh penyediaan video korporat ini termasuk dalam kos keseluruhan penyediaan video korporat jabatan dan tiada perubahan kos pada masa hadapan apabila penyebut harga telah dilantik oleh pihak Jabatan Agama Islam Selangor.

4.2 Pihak Jabatan Agama Islam Selangor tidak akan melayan sebarang permohonan kos tambahan yang diminta oleh penyebut harga setelah kos asal dipersetujui. Keputusan tawaran adalah muktamad.

4.3 Hak cipta sepenuhnya: Jabatan Agama Islam Selangor

4.4 Tempoh penyempurnaan bekalan tidak melebihi **90 hari** dari Surat Setuju Terima (SST).

5. Tanggungjawab Pembekal

5.1 Penyebut harga hendaklah mempunyai keupayaan dan hendaklah melaksanakan tanggungjawab yang diperuntukkan di dalam semua syarat dan terma yang dinyatakan di dalam tawaran ini.

5.2 Sekiranya video korporat yang diterima jabatan berlainan dengan hasil draf akhir yang telah dipersetujui, pihak penyebut harga bertanggungjawab bagi menggantikan yang baru di atas kesilapan yang telah dilakukan.

5.3 Pihak Jabatan Agama Islam Selangor berhak untuk tidak menerima bekalan video korporat yang tidak berkualiti / tidak mengikut spesifikasi.

6. Pembatalan Tawaran

6.1 Jabatan berhak menamatkan tawaran ini dengan mengemukakan notis penamatan secara bertulis yang berkuatkuasa dari tarikh notis itu jika:-

i. Penyebut harga melanggar mana-mana syarat tawaran; ATAU

ii. Perkhidmatan penyebut harga yang diberikan tidak mememuaskan (tidak menepati spesifikasi, kualiti dan kuantiti yang telah ditetapkan); ATAU

iii. Penyebut harga menarik diri sebelum tamat tempoh pembekalan.